

SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

1. Terbuka kepada **Warganegara Malaysia** yang **berumur 18 tahun** ke atas. (Kakitangan Jabatan Taman Dan Landskap, Majlis Bandaraya Ipoh tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini)
2. Penyertaan terhad kepada **200 orang peserta sahaja**. Setiap borang penyertaan perlu dilampirkan bersama **salinan kad pengenalan**.
3. Bayaran penyertaan sebanyak **RM 60.00** akan dikenakan untuk seorang peserta. Hanya **1 batang joran** sahaja yang dibenarkan bagi setiap **1 penyertaan**.
4. Kemenangan ditentukan berdasarkan **berat seekor ikan** yang dipancing dan **masa tangkapan**.
5. **Hanya satu(1) mata kail saja** yang di benarkan semasa pertandingan.dan ikan yang memakan umpan (**BOL**)**sahaja yang** layak dipertandingkan.
6. Mata kail terkena badan, insang dan ekor tidak layak dipertandingkan dan ikan tersebut perlu dilepaskan semula.
7. Umpan bebas **kecuali umpan tiruan, gewang dan organ haiwan**. Kaedah memancing secara pelampung dan penggunaan Marshmallow adalah **dilarang**.
8. Semua ikan yang dipancing mestilah **disahkan oleh Marshall** sebelum dihantar untuk ditimbang. **Peserta atau rakan dilarang memegang ikan di dalam tangguk sebelum disahkan Marshall**. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menyebabkan tangkapan dibatalkan. Ikan yang dipertandingkan hanya akan **ditimbang sekali sahaja**.
9. **SPESIS IKAN KELI, KAP JEPUN, AROWANA , ARAPAIMA DAN ALIGATOR GAR TIDAK DIPERTANDINGKAN. SPESIS KAP JEPUN, AROWANA DAN ARAPAIMA PERLU DILEPASKAN DENGAN KADAR SEGERA.**
10. Peserta yang didapati menipu atau cuba menipu akan **dibatalkan penyertaan**.
11. Joran mestilah **diikatkan dengan 'tag'** pertandingan yang sah sepanjang masa pertandingan berlangsung. **Ikan yang ditangkap dengan joran tanpa 'tag' yang sah tidak akan diterima untuk bertanding**.
12. Peserta yang ingin menukar joran jika joran itu mengalami kerosakan atau patah harus memaklumkan kepada Marshall. Tag yang lama akan dipasang semula pada joram yang baru oleh Marshall. Para peserta pertandingan dikehendaki membawa tangguk ikan sendiri.
13. Marshall yang bertugas mempunyai kuasa penuh membatalkan tangkapan yang dipancing jika tidak menepati syarat – syarat seperti di atas.

14. Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan diterima.
15. **Pihak urusetia pertandingan berhak menentukan kawasan / lokasi untuk pemancing bertanding.**
16. **Pengambilan Borang penyertaan dan pendaftaran pertandingan akan bermula pada tarikh 31 Mei 2023 (rabu).** Borang-borang penyertaan boleh didapati di **Pejabat Jabatan Taman Dan Landskap, Taman Rekreasi Gunung lang, Off Jalan Kuala Kangsar, 30010 Ipoh Perak.**
17. Borang penyertaan yang lengkap diisi beserta dengan bayaran penyertaan sebanyak **RM 60.00** hendaklah dihantar ke pihak urusetia di **Pejabat Jabatan Taman Dan Landskap Taman Rekreasi Gunung Lang ,Off Jalan Kuala Kangsar 30010,Ipoh Perak** pada waktu pejabat (**isnin – jumaat , 8.00 pagi – 5.00 petang**).
18. **Tarikh tutup penyertaan ialah pada 7 Jun 2023 (sebelum jam 5.00 petang) ATAU pendaftaran penyertaan ditutup serta merta setelah pendaftaran mencapai 200 orang peserta.**
19. Pertandingan memancing ini akan bermula tepat pada **jam 8.00 pagi** dan tamat pada jam **12.00 pm**. Para peserta dikehendaki **melaporkan diri jam 7.00 pagi di tempat urusetia pertandingan.**
20. Pertandingan memancing ini akan bermula tepat pada **jam 8.00 pagi** dan tamat pada jam **12.00 pm**. Para peserta dikehendaki **melaporkan diri jam 7.00 pagi di tempat urusetia pertandingan.**
21. Sebarang pertanyaan , sila hubungi:-

- i. En. Muhd Shah Rizal b. Noorsam
- ii. En. Ahmad Marzuki b. Abdul Aziz

- 019-6286392

- 012-4006904

YURAN PENYERTAAN

RM 60.00

- * SEORANG PESERTA
- * HANYA SATU JORAN

CEPAT !!!!!

PENYERTAAN ADALAH
TERHAD KEPADA
200 ORANG

HADIAH LUMAYAN

JOHAN	:	RM 5,000.00
NAIB JOHAN	:	RM 2,000.00
KE 3	:	RM 1,500.00
KE 4	:	RM 1,000.00
KE 5	:	RM 500.00
KE 6 - 10	:	Sebatang Joran
KE 11 - 15	:	Hamper bernilai RM 100.00
KE 16 - 25	:	Hamper bernilai RM 80.00

&

HADIAH CABUTAN BERTUAH